

08/09/1999

Yuran Unitekma tidak berubah

Norfatimah Ahmad

KEPALA BATAS, Selasa - Yuran pengajian Universiti Teknologi Mara tidak akan berubah, walaupun selepas kerajaan menaikkan taraf institusi pendidikan berusia 43 tahun itu, bulan lalu.

Rektornya, Datuk Profesor Ahmad Zaidee Laidin, berkata keputusan untuk mengekalkan kadar bayaran yuran seperti sekarang dibuat selepas mengambil kira keadaan ekonomi negara masa kini.

"Pengumuman ini diharap dapat melegakan semua 72,000 penuntut yang mendaftar di cawangan seluruh negara, termasuk kampus induk di Shah Alam, Selangor," katanya ketika ditemui di majlis Konvensyen Pasukan Tindakan Kualiti Universiti Teknologi Mara di sini, hari ini.

Program tiga hari itu dirasmikan Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Shariff Omar.

Sebelum ini, institusi pengajian tinggi (IPT) berkenaan dikenali sebagai Institusi Teknologi Mara (ITM).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan langkah menaikkan taraf ITM ketika mengadakan pertemuan dengan lebih 20,000 penuntut dan bekas penuntutnya di Stadium Malawati, 26 Ogos lalu.

Selain itu, Ahmad Zaidee berkata, semua 3,200 kakitangan akademiknya akan menerima habuan kenaikan gaji berikutan langkah kerajaan menaikkan taraf institusi berkenaan.

"Perkara ini dibincangkan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam memandangkan kakitangan bukan akademik sudah menikmati kenaikan gaji seperti rakan di IPT awam lain.

"Kakitangan akademik juga berpeluang memperoleh tambahan jumlah peruntukan untuk menjalankan sebarang kajian dan keputusan ini akan memberi suntikan semangat kepada pensyarah," katanya.

Menurutnya, Universiti Teknologi Mara juga diperingkat pertengahan mengkaji pelbagai faedah dan insentif, selain kemudahan untuk penuntut, kakitangan akademik dan bukan akademik.

"Kertas cadangan berhubung perkara itu akan dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan secepat mungkin," katanya.

(END)